

03/07/1997

Eksport mempelam ke Eropah ditangguh

KANGAR, Rabu - Hasrat kerajaan negeri mengeksport mempelam bermutu tinggi, harum manis, ke Harrods iaitu gedung beli-belah berprestij di London belum kesampaian kerana bekalan tidak mencukupi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Ishak Arshad, berkata buah yang dihasilkan, termasuk di Pusat Pertanian Bukit Bintang dan Bukit Temiang, dekat sini, hanya mampu menampung pasaran tempatan.

Katanya, jumlah bekalan yang dikeluarkan dari pusat itu juga tidak mencukupi untuk diedarkan ke seluruh negara walaupun permintaan terhadapnya begitu tinggi.

"Kerajaan negeri memang berhasrat mengeksport mempelam harum manis ke Harrods tetapi bekalannya tidak mencukupi untuk menampung permintaan dalam negara.

"Jika jumlah pengeluaran sekarang dapat ditingkatkan, cadangan itu boleh dilaksanakan tetapi kita menghadapi kekurangan kawasan untuk meluaskan tanaman itu," katanya.

Sebelum ini, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata mempelam harum manis yang hanya ada di negari ini, akan dipasarkan semula di Harrods.

Beliau berkata, beberapa tahun lalu, mempelam itu sudah dipasarkan di gedung berkenaan tetapi penjualannya terhenti kerana pengeluar tidak dapat menyediakan bekalan berterusan.

Menurutnya, kerajaan negeri akan memastikan Harrods mendapat semula bekalan itu setiap kali musim mempelam dan langkah itu adalah atas kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu melihat buah tempatan dipasarkan di peringkat antarabangsa.

Ishak berkata, kira-kira 1,500 hektar kawasan di negeri ini ditanam dengan mempelam, termasuk harum manis yang 660 hektar daripadanya dilaksanakan secara berkelompok.

Menurutnya, Jabatan Pertanian memberi bantuan dan kepakaran kepada kawasan tanaman mempelam yang dilaksanakan secara berkelompok, membabitkan lebih lima petani di kawasan seluas 10 hektar.

Tahun ini, tanaman mempelam menerusi Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) dijangka mengeluarkan sehingga 350 tan hasil.

(END)